



Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan
National Pharmaceutical Control Bureau
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

Ruj. Kami : Bil. (1)dlm.BPFBK/PPP/01/03 Jld.1
Tarikh : 15 SEP 2010

SEMUA PEMEGANG PENDAFTARAN

**SEMUA PERSATUAN BERKENAAN
(SEPERTI DI SENARAI EDARAN)**



Tuan/Puan,

PEKELILING PENGKELASAN PRODUK MADU CAMPURAN HERBA

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk maklumat tuan/puan, Jawatankuasa *Food Drug Interphase*, Kementerian Kesihatan Malaysia, pada mesyuarat 02/2010 telah memutuskan bahawa madu yang mengandungi bahan herba (termasuk *spices* dan *condiments*) perlu berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD). Madu tulen dan madu dalam makanan (contohnya biskut, gula-gula dan bijiran yang mengandungi madu) masih diklasifikasikan sebagai makanan.

3. Sehubungan dengan ini, tuan/puan diberi tempoh selama 6 bulan dari tarikh surat ini untuk mendaftarkan produk tersebut dengan PBKD.

4. Untuk makluman, produk yang ada dalam pasaran perlu dihabiskan dalam tempoh 6 bulan berkuatkuasa dari tarikh pekeliling ini dikeluarkan. Sebarang produk yang ada di pasaran tanpa pendaftaran selepas tempoh tersebut, akan dikelaskan sebagai produk tidak berdaftar.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(SELVARAJA SEERANGAM)
Pengarah Regulatori Farmasi
Biro Pengawasan Farmaseutikal Kebangsaan
Kementerian Kesihatan Malaysia

tan/sa/03092010

- s.k.
- 1.) Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi
Bahagian Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia
 - 2.) Pengarah Penguatkuasa Farmasi
Bahagian Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia
 - 3.) Pengarah,
Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 4, Bangunan Plot 3C4
No. 26, Jalan Persiaran Perdana
Presint 3, 62675 Putrajaya
 - 4.) Timbalan Pengarah
Pusat Pendaftaran Produk
Biro Pengawasan Farmaseutikal Kebangsaan
 - 5.) Timbalan Pengarah
Pusat Pasca Pendaftaran Produk
Biro Pengawasan Farmaseutikal Kebangsaan